

09 OKTOBER 2017

## Bekas keldai dadah meninggal di Peru

BH Isnin, 9 Oktober 2017

# Bekas keldai dadah meninggal di Peru



Shyzzlin ketika menerima rawatan di sebuah hospital di Peru akibat pelbagai komplikasi penyakit, asma dan kencing manis.

➔ **Hasrat Shyzzlin pulang ke tanah air tak kesampaian**

Oleh **Ahmad Zaini Kamaruzzaman**  
madzaini@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**H**asrat Shyzzlin Hatham, mangsa sindiket pendedaran dadah antarabangsa yang dipenjara dan terkandas di Lima, Peru sejak lapan tahun lalu, untuk pulang ke tanah air tidak kesampaian apabila meninggal dunia di negara itu, semalam.

Wanita bekas keldai dadah itu meninggal dunia ketika dalam rawatan hospital, kerana komplikasi beberapa penyakit selepas dimasukkan ke wad baru-baru ini.

Shyzzlin, 43, yang berasal dari Johor menghidap beberapa penyakit, termasuk asma dan kencing manis.

Kematian dimaklumkan Kedutaan Malaysia di Peru kepada Pengerusi Biro Kebajikan UMNO, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah yang juga Ahli Par-

limen Lenggong, semalam.

Katanya, kedutaan memaklumkan bahawa Shyzzlin kembali ke rahmatullah pada jam 6.50 petang waktu Peru pada 7 Oktober 2017, iaitu jam 7.50 pagi semalam, waktu Malaysia.

### Kedutaan urus jenazah

"Pihak kedutaan sedang melihat beberapa pendekatan untuk uruskan jenazahnya," katanya.

Biro berkenaan sedang dalam proses menguruskan pelbagai keperluan untuk membantu membawa Shyzzlin dan dua yang lain, iaitu Nor Suzanna dan Azimah kembali ke tanah air.

Shamsul Anuar juga berkata, beliau dimaklumkan Shyzzlin dimasukkan ke hospital kerana tekanan darah rendah, selain kadar gula yang rendah.

"Pihak hospital sudah berusaha menstabilkannya tetapi beliau meninggal dunia petang semalam waktu Peru.

"Dia dikatakan tidak tenang sejak beberapa minggu lalu selepas menerima perkhbarannya ibu angkat yang menjaganya sejak kecil meninggal dunia di Johor," katanya.

BH pada November tahun lalu, menyiarkan laporan eksklusif dari Peru, mengenai rayuan Shyzzlin, Nor Suzanna dan Azimah yang meminta ihsan orang



Shyzzlin dimasukkan ke hospital kerana tekanan darah rendah, selain kadar gula yang rendah. Pihak hospital sudah berusaha menstabilkannya tetapi beliau meninggal dunia petang semalam"

**Shamsul Anuar Nasarah,**  
Pengerusi Biro  
Kebajikan UMNO

ramai untuk membantu membawa mereka pulang.

Shyzzlin pernah merengkok dalam penjara lebih empat tahun kerana menyeludup dadah.

Dia kemudian ditempatkan di sebuah gereja negara itu, yang menjadi tempat tinggalnya kerana kesihatan terjejas.

Dalam temu bual berkenaan, Shyzzlin menitikkan air mata sambil memohon individu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau sesiapa menghulurkan bantuan supaya dia dapat menemui semula keluarga yang lama terpisah.



Keratan akhbar BH pada 23 November 2016.